

RAGAM AYAT: AYAT AKTIF DAN AYAT PASIF

PENGENALAN

- Kejadian ayat aktif dan ayat pasif ini menjadi satu **ciri pembeza** dalam binaan ayat.¹
- Ayat aktif dan pasif mudah dikenali dengan wujudnya **kata kerja atau frasa kerja sebagai unsur utama konstituen predikat**.

AYAT AKTIF

1. PENGERTIAN

- Ayat aktif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang **mengutamakan subjek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan**.²

2. CIRI

- Mempunyai kata kerja atau frasa kerja aktif sebagai unsur utama predikat
- Terbahagi kepada dua jenis, iaitu ayat aktif transitif, dan ayat aktif tak transitif.

3. JENIS

(I) Ayat Aktif Transitif

- Ayat aktif transitif ialah ayat yang **mengandungi kata kerja atau frasa kerja transitif yang diikuti oleh objek**.
- Ayat aktif transitif boleh mengandungi **satu objek dan dua objek**.
- Ayat aktif transitif **boleh dipasifkan** (ditukar kepada ayat pasif).
- Kata kerja atau frasa kerja transitif:
 - Terletak dalam konstituen predikat
 - Selalunya berimbuhan **meN-** (**me-**, **mem-**, **men-**, **meng-**, **menge-**, dan **meny-**) dan **ter-**.
 - Perlu **diikuti oleh objek** atau unsur penyambut untuk menyempurnakan maksud ayat.
- Objek terdiri daripada:
 - **Kata nama atau frasa nama**.
 - **Klausa komplemen** bagi ayat majmuk aktif transitif komplemen.³

¹ Nik Safiah Karim, *et al Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka (1995:326)

² Nik Safiah Karim, *et al Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (2008:483)

³ Nik Safiah Karim, *et al*. (2008:485)

(a) Ayat aktif transitif dengan satu objek

- Ayat aktif jenis ini mengandungi satu kata nama atau frasa nama sebagai objek tunggal.

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Transitif	Objek
<ul style="list-style-type: none"> • Mereka • Ketua jabatan • Saya • Pengurus • Buruh projek itu 	menggunakan harus mengawasi menulis memanggil memperlebar	lorong itu. disiplin pekerja mereka. rencana tentang bahasa. awak. leboh raya.

- Bagi ayat majmuk pancangan komplemen, klausa komplemen berfungsi sebagai penyambutnya.

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Transitif	Klausa Komplemen (Objek)
<ul style="list-style-type: none"> • Ibunya • Banyak orang • Pengetua • Dia • Pengawal itu 	menyatakan mengetahui mengesahkan menganggap menyedari	bahawa Rashid sudah pergi. bahawa dia pernah berkahwin. bahawa esok hari cuti. bahawa kami lemah. bahawa dialah yang bersalah.

- Ayat aktif transitif dengan objek yang boleh digugurkan secara pilihan
 - Pengguguran boleh dibuat kerana kata kerja transitifnya mempunyai atau memperoleh ciri adjektif, iaitu yang dapat menerima kata penguat.
 - Lazimnya kata kerja ini terdiri daripada kata kerja terbitan dengan kata dasarnya ialah kata adjektif.⁴

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Transitif (berciri adjektif)	Objek (boleh digugurkan)
<ul style="list-style-type: none"> • Keputusan itu • Peristiwa tersebut • Kekalahan itu • Hujahnya • Perkahwinannya 	sungguh memeranjatkan amat memalukan memilukan kurang meyakinkan membahagiakan	(keluarganya). (kita). (peminat-peminatnya). (juri-juri itu). (ibu bapanya).

⁴Nik Safiah Karim, *et al* (2008:467)

(b) Ayat aktif transitif dengan dua objek

- Ayat aktif jenis ini mengandungi **dua objek** yang hadir berturutan selepas kata kerja transitif, yang masing-masing dipanggil **objek tepat** dan **objek sipi**.
- **Objek tepat** mengikuti kata kerja transitif secara langsung, manakala objek sipi mengikuti objek tepat, ialah objek sipi.
- Kata kerja transitif yang terlibat ialah yang berimbuhan **meN-...-kan** dan **meN-...-i**.

Subjek	Predikat		
	Kata Kerja Transitif	Objek Tepat	Objek Sipi
<ul style="list-style-type: none"> • Sepinah • Halimah • Raja • Hakim • Pak Bedul 	<ul style="list-style-type: none"> membawakan menjahitkan menganugerahi menjatuhi menghadiahi 	<ul style="list-style-type: none"> saya anaknya Hang Tuah pencuri itu isterinya 	<ul style="list-style-type: none"> semangkuk bubur. baju kurung. persalinan pakaian. hukuman penjara. cincin berlian.

- Ayat dua objek ini boleh ditukarkan kepada ayat aktif transtif satu objek dengan meletakkan kata sendi nama di antara dua objek tepat asal.⁵

Subjek	Predikat		
	Kata Kerja Transitif	Objek	Frasa Sendi Nama (Keterangan)
<ul style="list-style-type: none"> • Sepinah • Halimah • Raja • Hakim • Pak Bedul 	<ul style="list-style-type: none"> membawa menjahit menganugerahkan menjatuhkan menghadiahkan 	<ul style="list-style-type: none"> semangkuk bubur baju kurung persalinan pakaian hukuman penjara cincin berlian 	<ul style="list-style-type: none"> kepada saya. untuk anaknya. kepada Hang Tuah. terhadap pencuri itu. kepada isterinya.

(II) Ayat Aktif Tak Transitif

- Ayat aktif tak transitif ialah ayat yang **mengandungi kata kerja atau frasa kerja transitif**.
- Frasa kerja jenis ini tidak perlu diikuti oleh objek sebagai penyambut.⁶
- Terdapat dua jenis utama ayat aktif tak transitif, iaitu jenis dengan keterangan yang boleh digugurkan (tanpa pelengkap), dan jenis dengan keterangan yang tidak boleh digugurkan (berpelengkap).⁷

⁵ Nik Safiah Karim, *et al.* (2008:486)

⁶ Nik Safiah Karim, *et al.* (2008:487)

⁷ Nik Safiah Karim, *et al.* (2008:487)

(a) Ayat aktif tak transitif dengan keterangan yang boleh digugurkan

- Ayat aktif tak transitif jenis ini ialah ayat yang mengandungi **kata kerja atau frasa kerja tak transitif yang diikuti oleh frasa keterangan yang boleh digugurkan**.
- Ayat ini dipanggil juga **ayat aktif tak transitif tanpa pelengkap**, iaitu kerja atau frasa kerja transitifnya **tidak memerlukan pelengkap**.

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Tak Transitif	Keterangan (boleh digugurkan)
<ul style="list-style-type: none"> • Banyak orang • Pokok itu • Kertas itu • Haji Jumain • Budak-budak 	<ul style="list-style-type: none"> bersiar-siar membesar bergaris terduduk mahu berkelah 	<ul style="list-style-type: none"> (di Tasik Titiwangsa). (dengan cepatnya). (pada bahagian tepi). (di situ). (pada hujung minggu ini).

(b) Ayat aktif tak transitif dengan keterangan yang tidak boleh digugurkan

- Ayat aktif tak transitif jenis ini **tidak boleh menggugurkan keterangan**, kerana **menjadi pelengkap** bagi kata kerja atau frasa kerja tak transitif.
- Ayat ini dikenali juga sebagai **ayat aktif tak transitif berpelengkap**.
- Pelengkap diperlukan untuk menyempurnakan maksud ayat.
- Keterangan (pelengkap) boleh terdiri daripada frasa nama, frasa adjektif, dan frasa sendi nama.

- Pelengkap terdiri daripada **kata nama atau frasa nama**

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Tak Transitif	Pelengkap (Frasa nama)
<ul style="list-style-type: none"> • Pengemis itu • Budak tersebut • Gadis itu 	<ul style="list-style-type: none"> berselimutkan mahu bertemankan menyerupai 	<ul style="list-style-type: none"> surat khabar lama. ibunya sahaja. kekasih lamanya.

- Pelengkap terdiri daripada **kata adjektif atau frasa adjektif**

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Tak Transitif	Pelengkap (Frasa adjektif)
<ul style="list-style-type: none"> • Saya • Mereka • Tempat itu 	<ul style="list-style-type: none"> berasa tidak mahu berbuat sudah beransur 	<ul style="list-style-type: none"> sungguh yakin. jahat. tenteram.

- Pelengkap terdiri daripada **frasa sendi nama**

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Tak Transitif	Pelengkap (Frasa sendi nama)
<ul style="list-style-type: none"> • Burung belatuk • Kebanyakan pelajar • Banyak kenderaan 	<ul style="list-style-type: none"> hinggap tinggal menghala 	<ul style="list-style-type: none"> pada batang getah. di asrama. ke selatan.

(c) Ayat aktif tak transitif dengan penerang⁸

- Ayat ini ialah ayat yang **mengandungi kata kerja atau frasa kerja tak transitif yang diikuti oleh kata nama atau frasa nama.**
- Kata nama atau frasa nama itu **bukan pelengkap dan bukan objek.**
- Ayat ini hampir menyerupai ayat aktif tak transitif tanpa pelengkap, kerana kata nama atau frasa nama selepas kata kerja atau frasa kerja tak transitif boleh digugurkan.

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Tak Transitif	Penerang (Frasa nama)
<ul style="list-style-type: none"> • Kesukaannya • Hajah Zarinah • Kerja utamanya 	<ul style="list-style-type: none"> bermain berniaga bertukang 	<ul style="list-style-type: none"> badminton. kain langsir. kayu.

AYAT PASIF

1. PENGERTIAN

- Ayat pasif ialah ayat yang mengandungi kata kerja atau frasa yang **mengutamakan objek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan.**
- Ayat ini **asalnya daripada ayat aktif transitif.**⁹

2. CIRI

- Mempunyai kata kerja atau frasa kerja pasif sebagai unsur utama predikat
- Ayat pasif dalam bahasa Melayu terbahagi kepada tiga jenis:

⁸ Ahmad Khair Mohd Nor, *et al.* *Tatabahasa Asas*. Rawang: Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia (2012:401-402). Nik Safiah Karim, *et al.* (2008:389-390) menyentuh hal ini dalam bab *Frasa Kerja*.

⁹ Nik Safiah Karim, *et al* (2008:484)

- ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif
- ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua
- ayat pasif dengan perkataan *kena* sebelum kata kerja.

3. JENIS AYAT PASIF

(I) Ayat Pasif dengan imbuhan Kata Kerja Pasif

- Ayat pasif jenis ini merupakan ayat yang mengandungi kata kerja berimbuhan pasif ***di-*** dan ***ter-***, ***ber-*** dan ***ke...-an***.
- Imbuhan ***di-*** digunakan untuk frasa ganti nama diri orang ketiga sahaja, **boleh diikuti oleh kata sendi nama *oleh* secara pilihan atau boleh digugurkan sekiranya mengikuti kata kerja secara langsung.**

(a) Imbuhan frasa kerja pasif *di-*

- Kata sendi nama *oleh* **boleh digunakan atau digugurkan secara pilihan.**
- Boleh terdiri daripada jenis-jenis:
 - Ayat pasif imbuhan *di-* kata ganti nama diri ketiga
 - berasal daripada ayat aktif transtif yang subjeknya kata ganti nama orang ketiga.

- Ikan itu sudah ***diambil (oleh) Ahmadi*** semalam.
- Tilam buruk itu telah ***dibakar (oleh) ayah*** pagi tadi.
- Novel tebal itu ***ditulis (oleh) Dato' Abdullah Hussain***.

- Ayat pasif imbuhan *di-* bukan kata ganti nama diri ketiga
 - berasal daripada ayat aktif transtif yang subjeknya bukan kata ganti nama orang ketiga.¹⁰

- Banyak pokok kelapa ***ditumbangkan (oleh)*** ribut.
- Tebing itu telah ***dihakis (oleh)*** air dari bukit.
- Tikus mondok tadi sudah ***ditangkap (oleh)*** kucing.

- Kata sendi nama *oleh* **tidak boleh digugurkan** sekiranya terletak jauh daripada frasa kerja.¹¹

¹⁰ Ahmad Khair Mohd Nor, *et al.* (404-405)

¹¹ Nik Safiah Karim, *et al* (2008:490)

- Ikan itu sudah **diambil** semalam **oleh Ahmadi**.
- Tilam buruk itu telah **dibakar** pagi tadi **oleh ayah**.
- Novel tebal itu **ditulis** pada tahun 1993 **oleh Dato' Abdullah Hussain**.

(b) Imbuhan frasa kerja pasif *ter-*

- Kata sendi nama *oleh* **tidak boleh digugurkan**. Jika digugurkan, ayat menjadi janggal dan berubah makna.
- Jika berasal daripada ayat aktif transitif yang subjeknya ganti nama diri orang ketiga, dipanggil juga **ayat pasif kata ganti nama diri ketiga**.

- Pen itu **terambil oleh** kakak pagi tadi.
- Karipap itu **termakan oleh** adik bongsunya.
- Pasu kesayangan emak **terlanggar oleh** Kak Odah.

- Jika berasal daripada ayat aktif transitif yang subjeknya bukan kata ganti nama diri orang ketiga, dipanggil ayat pasif bukan kata ganti nama diri ketiga.

- Gerai jualan itu **terlanggar oleh** kereta.
- Pagar rumahnya **tertimpa oleh** dahan pokok.
- Pekerja lombong arang batu **tertimbus oleh** runtuhan tanah.

(c) Imbuhan frasa kerja pasif *ber-*

- Kata sendi nama *oleh* selepas frasa kerja pasif sebenarnya wujud tetapi **selalunya digugurkan**.

- Baju itu artis itu **berjahit** (oleh tukang jahitnya) dengan benang emas.
- Pertanyaan kami dahulu belum **berjawab** (oleh pihak berkenaan).
- Kain yang dibasuh tadi belum **berjemur** (oleh kakak).

(d) Imbuhan frasa kerja pasif *ke-...-an*

- Digunakan tanpa perlu diikuti oleh kata sendi nama *oleh*.

- Dua beradik itu **kehujanan** sepanjang petang.
- Kucing kesayangannya mati **ketulangan**.
- Banglo itu telah **kecurian** dua kali tahun ini.

(e) Imbuhan frasa kerja pasif *ter-...-kan* dan *ter-...-i*

- Dengan menggunakan kata nafi (*tidak*).¹²
- Boleh diikuti kata sendi nama *oleh*.

- Kelazatan masakan itu tidak **tergambarkan (oleh pelanggan)**.
- Hajat datuk untuk ke kampung tidak **terpenuhi**.
- Kehebatan pemain itu tidak **teratasi** (oleh pemain lain).

(II) Ayat pasif dengan Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama dan Kedua

• Ayat pasif jenis ini menggunakan **kata ganti nama diri pertama dan kedua sebelum kata kerja (pasif)**.

- Ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama

- Lantai itu belum **saya bersihkan**.
- Anak pokok ini akan **kami tanam** di halaman rumah.
- Pesakit itu akan **kita ziarahi** selepas ini.

- Ayat pasif dengan kata ganti nama diri kedua

- Latihan itu perlu **kamu siapkan** segera.
- Buku rujukan wajar **kamu beli**.
- Sampah hendaklah **kalian buang** ke dalam tong.

• Kedua-dua kata ganti nama diri ini **tidak boleh menerima kata kerja dengan imbuhan di-** yang bersama dengan *oleh* atau tidak.

- *Lantai itu belum **dibersihkan oleh saya**.
- *Anak pokok itu akan **ditanam oleh kami** di halaman rumah.
- *Buku rujukan wajar **dibeli oleh kamu**.

• Unsur-unsur lain, umpamanya kata bantu, **tidak boleh disisipkan** di antara kata kerja dan kata ganti nama tersebut.

- *Tugas ini **kami mesti pikul** dengan sepenuh hati.
- *Hutang itu **aku akan jelaskan** esok.
- *Perkara tersebut **awak belum putuskan** hingga sekarang.

¹² Ahmad Khair Mohd Nor, *et al.* (2012:407)

(III) Ayat Pasif dengan Perkataan *kena*

- Ayat pasif ini menggunakan perkataan *kena* di hadapan kata kerja dasar yang tidak menerima awalan.
- Perkataan ini kelihatannya seperti pilihan kepada imbuhan pasif *di-*.
- Perkataan *kena* di sini membawa maksud subjeknya terkena perbuatan yang dilakukan oleh frasa nama lain, bukan melakukan perbuatan kepada objek lain.
- Binaan *oleh + frasa nama* selepas kata kerja **boleh digugurkan secara pilihan**.

- Budak nakal itu ***kena* pukul (oleh ibunya)**.
- Mereka ***kena* kejar (oleh lembu gila)**.
- Saya tidak sanggup lagi ***kena* tipu**.

4. TAMBAHAN

- Cara untuk mengenal pasti ayat pasif:
 - Kata berimbuhan **ter-**, **ber-**, dan kata **kena** boleh digantikan dengan imbuhan **di-**.
 - Imbuhan **ter-** dan **ber-** itu, jika tidak boleh digantikan dengan **di-**, menunjukkan bahawa kata terbitan tersebut ialah kata kerja tak transitif.